

13/09/2002

Anak angkat Peniagawati dapat komputer

Halina Mohd Noor

JIKA selama ini murid Sekolah Kebangsaan Datuk Manan (SKDM), Tanjung Karang, tidak berpeluang menggunakan komputer kerana kurang kemampuan, tetapi baru-baru ini impian itu menjadi kenyataan apabila menerima sumbangan komputer bernilai RM200,000 daripada Motorola Software Centre (MMSC).

Sebanyak 20 komputer disumbangkan melalui projek Anak Angkat Peniagawati, Biro Kebajikan, Agama dan Sosial, Peniagawati Malaysia. Projek itu diadakan bertujuan menyalurkan bantuan kepada ibu tunggal yang teraniaya dan tidak berkemampuan memberi pendidikan sempurna kepada anak mereka.

Kata Presiden Peniagawati, Puan Sri Ashidah Minin, pertubuhan itu mempunyai 48 anak angkat di seluruh negara dan 30 orang daripadanya belajar di SKDM, dua di antara mereka berjaya ke menara gading hasil usaha gigih mereka. Tabung Anak Angkat ditubuhkan pada 1998.

"Kita bersyukur dengan kesediaan Motorola menyumbangkan 20 unit komputer yang lengkap dengan aksesori serta perisian yang diperlukan sekolah sebagai menyokong projek anak angkat yang dimulakan secara individu lima tahu lalu. Sumbangan ini akan melengkapkan pusat sumber yang akan menjamin pembelajaran murid lebih cemerlang. Kita juga berharap kerjasama ini dapat diteruskan pada masa depan dan menjadi contoh kepada badan korporat atau swasta lain untuk sama-sama membantu mereka yang kurang berkemampuan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan MMSC, S Surya, berkata Motorola yang telah bertapak di negara ini selama 30 tahun berharap kejayaannya dapat dikongsi bersama golongan kurang berkemampuan. Sumbangan itu adalah sebahagian daripada usaha Motorola membantu mereka yang memerlukan bantuan dan sokongan.

"Selain matlamat utamanya menyediakan produk perisian berinovatif dan memberi khidmat kepada pelanggan, Motorola tidak lupa untuk berkhidmat kepada masyarakat. Sumbangan komputer ini diharap dapat melengkapkan pelajar dengan kemahiran teknologi maklumat agar mereka tidak ketinggalan dalam bidang ini dan membantu dalam proses pembelajaran," katanya.

Jelasnya lagi, Motorola juga akan menghantar kakitangannya untuk membantu memasukkan perisian dan peralatan lengkap komputer ke sekolah. Di samping itu, Motorola turut merancang menghantar kakitangan mahir dalam komputer untuk melatih pelajar dengan kemahiran asas menggunakan komputer.

Motorola Malaysia Perisian Center dikenali sebagai Motorola Multimedia Sendirian Berhad (MMMSB) memulakan operasinya pertengahan 1999 dan dirasmikan sebagai syarikat berstatus Multimedia Super Corridor (MSC) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

MMMSB adalah sebahagian daripada Kumpulan Perisian Global (GSG) Motorola yang memiliki lebih 150 jurutera perisian dan 97 peratus daripadanya adalah rakyat Malaysia.

"Kita berharap pelajar ini dapat memiliki kemahiran dan mungkin suatu hari nanti mereka akan menjadi sebahagian daripada Motorola," katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Guru Besar SKDM, Mohd Hairan Hassan, guru dan murid Anak Angkat Peniagawati yang sangat gembira kerana berpeluang belajar menggunakan komputer. Kesemuanya melahirkan perasaan gembira dan tidak sabar untuk mempelajarinya.

"Sebelum ini SKDM hanya memiliki sebuah komputer yang digunakan untuk pengurusan dan pentadbiran. Kita amat berbesar hati menerima sumbangan ini

dan akan berbincang dengan Kementerian Pendidikan untuk menggunakannya bagi meningkatkan mutu pembelajaran di sekolah ini," kata Mohd Hairan.